



**MAJLIS PERJUMPAAN KETUA
PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
BERSAMA-SAMA PEGAWAI
PENGURUSAN TERTINGGI
PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**AMANAT
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN
AWAM**

**TARIKH : 21 FEBRUARI 2024 (RABU)
MASA : 11.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN MEZZANINE, JPA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada pengacara majlis dan
pembaca doa.

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Dr. Aneese bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berbahagia Dato' Badurunhisam bin Mohd Nor

Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan
Awam

Seterusnya Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan-puan yang saya
hormati sekalian.

UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah
kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam **Majlis
Perjumpaan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

Bersama-sama Pegawai Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam pada pagi ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan di atas komitmen dan kehadiran YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam menjayakan majlis pada hari ini.

2. Dalam kesempatan ini, saya ingin menyampaikan beberapa amanat penting berkaitan hala tuju negara pada masa kini. Seterusnya, kerjasama dan penghasilan yang dituntut kepada kita sebagai Penjawat Awam untuk menjayakannya.

KONSEP MALAYSIA MADANI DAN *THE G.R.E.A.T CIVIL SERVICE*

YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

3. Cabaran global pada hari ini menyaksikan kita berhadapan dengan situasi sukar. Sebanyak empat (4) kesukaran telah dikenal pasti iaitu **kerumitan (*complexity*)**, **percanggahan (*contradiction*)**, **kekacauan (*chaos*)** dan **keserentakan (*simultaneity*)**. Sehubungan itu, dasar **Malaysia MADANI** yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan suatu usaha murni Kerajaan dalam memetakan **strategi pentadbiran negara yang lebih teratur dan menyeluruh**.
4. Sebagai merealisasikan gagasan ini, setiap lapisan Penjawat Awam mempunyai peranan yang amat besar mengikut kapasiti tugas masing-masing. Kita perlu bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan untuk

meneliti permasalahan rakyat, menyampaikan keluh kesah ini untuk pertimbangan dasar oleh Kerajaan, dan seterusnya melaksanakan segala inisiatif mahupun program yang ditetapkan supaya hasilnya dapat dirasakan dan dinikmati oleh rakyat.

5. Dewasa ini, **fokus Kerajaan** mula terarah kepada penerapan **budaya teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI)**. Peralihan tumpuan ini adalah selaras dengan tuntutan peredaran dunia yang semakin pantas dan tanpa batasan. Justeru, **Penjawat Awam perlu sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi gelombang perubahan ini**. Pelaksanaan tugas kita tidak lagi boleh berada di takuk lama, perlu sentiasa dinamik dan mampu disesuaikan dengan kehendak semasa.
6. Contoh yang boleh kita ikuti adalah sepertimana komitmen yang ditunjukkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara (KSN). Sebanyak empat (4) aspirasi telah diperkenalkan beliau sejajar dengan hala tuju Kerajaan. Pertama, **“Kepercayaan untuk Berkhidmat”** pada 2020 yang bertujuan menangani isu Daulah Terpendam Penjawat Awam terhadap Kerajaan pada ketika itu. Kedua, **“FASTER”** pada 2021 yang berfokus kepada penyegeraan pelaksanaan tugas ketika negara berhadapan dengan pandemik Covid-19 dan kekangan ekonomi dek Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
7. Aspirasi ketiga iaitu **“SWIFT”** pada 2022 diilhamkan sebagai tujuan untuk menggerakkan kembali Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memulihkan semula ekonomi negara. Pada tahun 2023, YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN

memperkenalkan “**The G.R.E.A.T. Civil Service**” sebagai mekanisme penyampaian perkhidmatan bagi mendukung dasar Malaysia MADANI.

8. Justeru, YBhg. Dato’/Tuan/Puan seharusnya mengambil teladan ini dengan menggerakkan inisiatif-inisiatif baharu yang lebih segar dan memenuhi keperluan pelanggan masa kini. Segala ketetapan dan tatacara lapuk perlu diteliti semula, dibuat penambahbaikan dan diberi nafas baharu agar sistem penyampaian perkhidmatan di organisasi masing-masing sentiasa relevan dan memenuhi permintaan.

TUJUH (7) CABARAN PERKHIDMATAN AWAM DALAM MENJAYAKAN AGENDA NASIONAL

Sidang hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Dalam konteks Penjawat Awam, saya telah mengenal pasti sebanyak **tujuh (7) cabaran utama** yang dihadapi kita semua. Kesemua cabaran ini merupakan inti pati perbincangan semasa Sesi Permukiman Jemaah Menteri pada 17-18 Januari 2024 yang lalu. Pertamanya, kita berhadapan dengan cabaran **modal insan yang kurang kompeten**. Situasi ini menyebabkan kepimpinan organisasi menjadi tidak berkesan, dan seterusnya tenaga kerja di sesebuah organisasi tidak berupaya menyediakan penghasilan tugas yang memenuhi kehendak pelanggan dan keperluan semasa.

10. Keduanya, isu **penarikan dan pengekelan bakat terbaik** di sesebuah organisasi merupakan masalah yang turut membelenggu kita. Hal ini merujuk kepada masalah pusing ganti (*turnover*) pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran tertentu ke sektor lain seperti swasta, yang tentunya dipengaruhi dengan tawaran gaji yang lebih lumayan. Mungkin, sudah sampai masanya kita semua perlu memikirkan tentang aspek **suasana kerja yang lebih fleksibel** dan pembangunan kerjaya dari sudut **upskilling dan reskilling** yang dapat memberikan nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan.
11. Cabaran yang ketiga pula adalah daripada segi **jurang antara kementerian dan jabatan**. Situasi ini berlaku disebabkan oleh mentaliti bekerja secara silo yang masih menebal dalam sesebuah organisasi, yang menyebabkan tiadanya penyelarasan hingga menyaksikan pelbagai agensi menjalankan fungsi yang sama. Justeru, kita perlu **meneliti semula fungsi-fungsi setiap kementerian dan jabatan**, supaya tidak berlaku pertindihan peranan ini. Mungkin, idea YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN untuk **peralihan penyediaan bajet berasaskan strategi dan bukan sekadar pada program-program berasingan** perlu kita terokai dengan lebih mendalam lagi.
12. Keempatnya, cabaran yang kita hadapi adalah **organisasi yang tidak kejut**. Situasi ini menyebabkan berlakunya pertindihan fungsi dan tugas. Pada masa yang sama, terlalu banyak lapisan "*chain of command*" menyebabkan berlakunya masalah *red tape*. Akhirnya, pelaksanaan sesuatu tugas dan perkhidmatan menjadi lambat dan terkekang dengan kerenah birokrasi.

13. Yang kelima, **sistem penyampaian perkhidmatan** kita masih lagi dibayangi dengan kaedah **konvensional**. Meskipun sudah banyak aplikasi digital dibangunkan, hakikatnya budaya ini masih belum menyeluruh. Masih terdapat beberapa perkhidmatan tertentu yang mengamalkan pengisian borang secara manual, yang sudah tentu memakan masa yang panjang untuk diselesaikan. Adalah menjadi tanggungjawab YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk meneroka strategi, kaedah dan tatacara tertentu untuk **mendigitalkan penyampaian perkhidmatan** organisasi masing-masing kepada pelanggan.
14. Cabaran yang keenam adalah isu **integriti dan akauntabiliti**. Kita semua sedia maklum, masih terdapat penjawat awam yang dijatuhkan hukuman mahkamah atas kesalahan rasuah. Isu ini sememangnya mencalarkan imej Perkhidmatan Awam di mata Kerajaan dan rakyat. Justeru, saya menyeru YBhg. Dato'/Tuan/Puan sebagai barisan kepimpinan di organisasi masing-masing untuk melihat akan isu ini dan mengambil tindakan segera dalam **membanteras sebarang potensi dan salah laku** ini dengan cepat dan berkesan.
15. Dan yang terakhir, cabaran dari segi **bebanan kewangan kepada Kerajaan**. Sejak kebelakangan ini, isu pencen Penjawat Awam menjadi panas dan sering diperdebatkan oleh pelbagai pihak. Manakala, **sistem saraan yang tidak berasaskan kepada produktiviti** turut menjadi perhatian Kerajaan. JPA melalui kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sedang meneliti akan perkara ini. Saya mengharapkan, YBhg. Dato'/Tuan/Puan selaku pegawai-

pegawai **Pengurusan Tertinggi** perlu cakna mengenai hal ini, dan berupaya menjadi jurucakap dalam memberikan penerangan dan penjelasan di organisasi masing-masing.

H.E.M.A.T. SEBAGAI ASPIRASI BAHARU PERKHIDMATAN AWAM

YBhg. Dato'/Tuan/Puan sekalian,

16. Pada Majlis Perhimpunan JPA dan Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang diadakan awal pagi tadi, saya telah memperkenalkan **nilai baharu Penjawat Awam iaitu H.E.M.A.T.** Nilai ini merupakan suatu pegangan kepada kita dalam mendukung dasar Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dan aspirasi “The G.R.E.A.T. *Civil Service*” oleh YBhg. Tan Sri Dato’ Seri KSN yang merupakan mekanisme pelaksanaannya.
17. Dari sudut tafsiran, H.E.M.A.T. membawa dua (2) maksud, iaitu sikap Penjawat Awam dalam membelanjakan dana awam secara berjimat-cermat dan tidak boros. Daripada segi sifat pula, H.E.M.A.T. bermakna cara Penjawat Awam menjalankan tugas dengan pengamatan dan penelitian secara mendalam. Secara mudahnya, dapatlah kita fahami bahawa H.E.M.A.T. ini merujuk kepada **kewaspadaan kita dalam tindakan, serta ketelitian kita dalam pelaksanaan segala tugas** yang diamanahkan.
18. Untuk makluman hadirin sekalian, akronim H.E.M.A.T. terdiri daripada kombinasi beberapa nilai yang diwakilkan

oleh setiap huruf di dalamnya. Huruf “H” merujuk kepada **“Hijrah Tata Kelola”**, yang mengehendaki kita untuk sentiasa berani berhijrah menerusi **kepekaan dengan tuntutan perubahan** semasa, menjalankan tugas dengan **rapi, cekap** dalam pelaksanaan tugas, dan mengamalkan **komunikasi secara efisien**.

19. Huruf “E” pula merujuk kepada **“Empati Rakyat”**. Dalam hal ini, Penjawat Awam perlu sentiasa **mendengar dan memahami permasalahan** rakyat, sentiasa **prihatin** dan menyayangi rakyat, serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan **kesejahteraan kepada rakyat**.
20. Manakala, huruf “M” merujuk kepada **“Minda Pekin”**. Dalam konteks ini, Penjawat Awam perlu sentiasa bersikap **cermat** dalam membelanjakan dana awam, sentiasa **kreatif dan inovatif** dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, mempunyai minda **“value for money”**, dan menjalankan tugas secara **kerjasama strategik** antara organisasi.
21. Selanjutnya, huruf “A” pula saya rujuk sebagai **“Apresiasi Inovasi”**. Perkhidmatan Awam amat memerlukan budaya ini. Kita perlu sentiasa menyokong dan menghargai perkembangan **idea-idea baharu** bagi memperkasakan Perkhidmatan Awam, **meneroka pelbagai inisiatif baharu** yang bersesuaian dengan kehendak semasa, dan berusaha untuk **memartabatkan inisiatif digital** baharu yang efisien.
22. Yang terakhir adalah huruf “T”. Nilai ini merujuk kepada **“Telus Tadbiran”**, yang mana kita perlu berusaha untuk

menyematkan **nilai-nilai integriti** dalam menjalankan tugas seharian, sentiasa membudayakan amalan **semak dan imbang** bagi melancarkan pelaksanaan tugas, dan **meraikan pandangan luar** yang dapat memantapkan lagi kualiti kerja yang dijalankan.

23. Semoga, nilai H.E.M.A.T. yang digariskan ini akan dapat diserap dan diasimilasikan oleh YBhg. Dato'/Tuan/Puan sekalian. Adalah diharapkan, nilai-nilai ini kelak dapat diterapkan ke dalam organisasi masing-masing, sebagai suatu usaha kita dalam menjayakan dasar Malaysia MADANI dan aspirasi "*The G.R.E.A.T. Civil Service*".

PENUTUP

YBhg. Dato'/Tuan/Puan sekalian,

24. Pada pagi ini kita akan meraikan seramai **93 orang pegawai Pengurusan Tertinggi** yang akan **menerima surat pengesahan kenaikan pangkat dan surat penempatan**. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kejayaan anda semua.
25. Saya mendoakan agar YBhg. Dato'/Tuan/Puan akan terus menabur bakti khidmat dengan lebih gigih lagi, terus memikul amanah dengan telus dan berintegriti, serta menjayakan sasaran tugas yang ditetapkan dengan jayanya.
26. Akhir kata, semoga pengiktirafan ini akan menjadi dorongan dan pembakar semangat kepada YBhg.

Dato'/Tuan/Puan untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa hadapan, dalam menjayakan agenda Kerajaan iaitu Malaysia MADANI, melalui mekanisme pelaksanaan "*The G.R.E.A.T. Civil Service*" dan berteraskan kepada nilai-nilai H.E.M.A.T..

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- TAMAT -
(1,572 patah perkataan)